

Indonesia Journal of Learning Education and Counseling

Website: <https://journal.ilinstitute.com/index.php/IJoLEC>

Vol 1, No 1, September 2018, pp 01-10

p-ISSN:2460-1497 dan e-ISSN: 2477-3840



Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan

Siti Suriyani Binti Sulaiman¹, Ahmad Yunus bin Kassim²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sulthan Idris. Malaysia

Email: suriyani@mrsmpsalak.edu.my

Artikel info

Artikel history:

Received; July-2018

Revised:Agustus-2018

Accepted:September-2018

Publish: September-2018

DOI:

doi.org/10.31960/ijolec.v1i1.22

Abstract. This article aims to review the implementation of the hafazan in the Ulul Albab program based on gender and the group. The implementation of the hafazan is reviewed from the aspect of time allocation and preparation of the student before performing the Quran recitation. This study involved 120 Form One students at MRS Gemencheh. In conducting this study, several Islamic Education teachers were involved as instructors and mentors for the Tahdhir, Murajaah and Tasmik sessions. The findings show that there is no significant difference and interaction in the time allocation of students in performing hafazan based on gender. For students preparation before performing the hafazan, there is no difference and significant interaction effects based on gender and group. Student preparation before performing the hafazan and time allocation is one of the factors that support student achievement.

Abstrak. Artikel ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan. Pelaksanaan hafazan ditinjau dari aspek peruntukan masa dan persediaan pelajar sebelum melaksanakan hafazan Al-Quran. Kajian ini melibatkan 120 orang pelajar tingkatan satu di MRSM Gemencheh. Dalam menjalankan kajian ini, beberapa orang guru Pendidikan Islam turut terlibat. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan dan kesan interaksi yang signifikan peruntukan masa pelajar dalam melaksanakan hafazan. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan perbezaan peruntukan masa pelajar dalam melaksanakan hafazan berdasarkan jantina. Bagi persediaan pelajar sebelum melaksanakan hafazan, tidak terdapat perbezaan dan kesan interaksi yang signifikan berdasarkan jantina dan kumpulan. Persediaan pelajar sebelum melaksanakan hafazan dan peruntukan masa merupakan salah satu faktor yang menyokong pencapaian hafazan pelajar.

Keywords:

Hafazan

Program Ulul Albab

Corresponden author:

Jalan: MRSM Pasir Salak KM 4 Jalan Tg Tualang 36800 Kg

Gajah Perak, Malaysia MRSM Pasir Salak KM 4 Jalan Tg

Tualang 36800 Kg Gajah Perak,

Email: suriyani@mrsmpsalak.edu.my



artikel dengan akses terbuka dibawah licenci CC BY-NC-4.0

PENDAHULUAN

Pendidikan Tahfiz Al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Pendidikan tahfiz Al-Quran bermula semenjak wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW telah menyampaikan pengajaran tahfiz dalam mengajar Al-Quran kepada para sahabat (Al-Habash, 1987). Allah telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz Al-Quran (Al-Qamar, 54:17) dan memelihara isi kandungannya supaya Al-Quran terpelihara dari segala bentuk penyelewengan dan perubahan (Al-Hijr, 15:9).

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Saidina Muhammad SAW dengan perantaraan malaikat Jibril dalam bentuk tujuh huruf secara lafaz dan makna yang dihafaz dan ditulis dalam mashaf Uthmani dan dinaqalkan secara mutawatir dan membacanya dikira ibadat serta dimulai dengan surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan surah An-Nas (Qabah, 1999). Rasulullah diiktiraf sebagai Sayyidul Huffaz yang merintis bidang tahfiz Al-Quran kerana terlibat dengan proses talaqqi daripada masyarakat Jibril. Al-Shabuni, 1980 menyatakan bahawa Rasulullah sangat komited menghafaz Al-Quran sehingga kedua-dua kakinya bengkok disebabkan banyak melakukan qiamullail dengan membaca Al-Quran di dalam sholat sepanjang malam sebagaimana firman Allah dalam ayat 1-4, surah Al-Muzammil. Para sahabat juga berlumba-lumba untuk menghafaz, mempelajari serta mengajarkan Al-Quran kepada keluarga mereka.

Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya. Dalam Bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai quwwatuz zakirah (الذاكرة قوة). Daya ingatan manusia berkait rapat dengan kemampuan otak untuk mengingat sesuatu. Otak manusia hanya seberat sekitar satu hingga satu setengah kilogram, mempunyai satu trilion neuron (sel otak). Jika dilihat daripada struktur anatominya, otak manusia dibahagikan kepada beberapa bahagian penting iaitu Serebrum yang merupakan pusat aktiviti otak yang mengawal pergerakan perasaan dan ingatan, Serebelum yang mengawal keseimbangan badan, Batang Otak

yang menghubungkan otak dengan saraf tunjang, Kalenjar Pituari yang terikat dengan 150,000 saraf dan Hipotalamus yang menyeimbangkan suhu badan. Bahagian terbesar iaitu Serebrum mempunyai bahagian kiri dan kanan. Bahagian kiri berkait rapat dengan Intelligent Qoutes dan cenderung kepada logik, nombor, fakta, bahasa dan hujah, Manakala bahagian kanan berkait rapat dengan Emotion Quotes dan cenderung kepada perasaan, imaginasi, artistik dan kreativiti. Ingatan manusia terletak dalam Serebrum (otak besar) iaitu bahagian yang menutupi permukaan yang disebut Neocortec. Neocortec ini merupakan bahagian yang digunakan untuk berfikir, berbicara, mendengar dan mencipta. Jika kedua-dua fungsi ini diaktifkan serentak secara optimum maka ingatan lebih cerdas atau ingatan lebih lama. (Zulkifli, 2014, p. 1) (Nor Fadhillah dan A.Yusrianto Elga, 2014, pp. 9-12) (Dr. Danial, 2015, pp. 3-7) (Yusuf, 2009, p. 963) (Widiatmoko, pp. 13-19).

Program Ulul Albab. Selaras dengan teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ke-3 iaitu meluaskan akses kepada pendidikan bermutu dan termampu. Majlis Amanah Rakyat telah mulai melangkah memperkenalkan Program Ulul Albab yang merupakan satu program pendidikan integrasi antara program pendidikan sedia ada (Sains Tulen) dengan program aliran agama termasuk Tahfiz Al-Quran. Program ini diperkenalkan dalam sistem pendidikan MRSM bagi melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah. Ia adalah merupakan hasil cetusan idea Pengerusi MARA YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh selaras dengan hasrat MARA untuk menghasilkan pelajar-pelajar cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, bahkan juga mempunyai sahsiah yang tinggi. MRSM yang pertama melaksanakan program Ulul Albab ialah MRSM Kota Putra dengan bilangan pelajarnya seramai 171 orang dan pelajar-pelajar perintisnya sekarang ini berada di Tingkatan 4. Pada masa ini terdapat dua lagi MRSM yang melaksanakan Program Ulul Albab iaitu MRSM Gemencheh yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 dan MRSM Kepala Batas yang bermula pada tahun 2011.

Sasaran yang ingin dicapai oleh Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA ialah pelajar-pelajar MRSM Ulul Albab akan menghafaz 30 juzuk apabila mereka berada di tingkatan tiga. Ini bermakna setiap pelajar perlu menghabiskan 10 juzuk setahun untuk memastikan hafazan 30 juzuk sepanjang tiga tahun pengajian di MRSM. Pada tahun 2009, setelah lapan bulan kurikulum ini dilaksanakan di MRSM Kota Putra sejumlah 16.2% pelajar telah menghafaz 8 hingga 11 juzuk. Manakala 78.8% berjaya menghafaz 4 hingga 11 juzuk.

MRSM Gemencheh merupakan MRSM kedua yang melaksanakan integrasi sistem sains dan tahfiz. Berdasarkan data analisis prestasi hafazan pelajar tingkatan lima pada Oktober 2014, 106 daripada 177 orang pelajar (59.88%) telah menjadi hafiz dan hafizah. Manakala seramai 84 orang daripada 178 pelajar (47.19%) tingkatan empat juga telah bergelar hafiz dan hafizah. Lima orang daripada 157 pelajar tingkatan tiga berjaya memenuhi matlamat MRSM Ulul Albab menamatkan 30 juzuk hafazan sepanjang tiga tahun pengajian di MRSM Ulul Albab. Melihat peratusan yang kecil ini iaitu 3.18%, akan tergambar pula kepada peratusan yang sebaliknya, iaitu pelajar yang tidak dapat menghafaz 30 juzuk. Sejumlah 53.521% pelajar tingkatan empat dan lima yang tidak berjaya menghafaz keseluruhan 30 juzuk manakala peratus yang lebih besar dicatatkan bagi pelajar tingkatan tiga iaitu 96.82%. Berdasarkan peratusan yang besar di kedua-dua buah MRSM ini, kajian perlu dilakukan bagi mengenalpasti faktor-faktor demografi yang terlibat, khususnya jantina.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pelaksanaan kaedah hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan. Pelaksanaan kaedah hafazan ditinjau dari peruntukan masa dan persediaan pelajar sebelum memulakan kaedah hafazan.

Kajian Literatur

Kajian yang dilakukan oleh Sedek bin Ariffin (2012), Kaedah menghafal Al-Qur'an di Institusi Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia : Kajian Perbandingan di Antara Kaedah Darul Quran, JAKIM dengan Kaedah Al-Huffaz adalah sebuah kajian yang bertujuan untuk melihat perbezaan kemampuan untuk mengingat hafalan Al-Quran antara dua

buah institusi tahfiz Al-Quran yang mengamalkan kaedah yang berbeza iaitu kaedah Darul Quran dan kaedah Al-Huffaz, di samping itu untuk melihat kaedah yang paling berkesan untuk diamalkan dalam proses penghafalan Al-Quran. Bagi mengenalpasti perbandingan dua kaedah hafazan tersebut beliau telah menjalankan soal selidik dan ujian hafazan Al-Quran. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Ujian t digunakan untuk melihat perbezaan antara kaedah Darul Quran dan kaedah Al-Huffaz dan mendapati terdapat perbezaan kemampuan kaedah hafalan Al-Quran yang digunakan untuk hafalan tersebut membuktikan bahawa kaedah Al-Huffaz merupakan kaedah yang lebih berkesan untuk diamalkan.

Sebuah kajian yang telah dilakukan oleh Norlita bt. Mohd Alias (2003), Kaedah Hafazan Al-Quran : Suatu Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin, Tualang Sekah Daerah Malim Nawar Perak Darul Ridzuan, Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menghafaz dan mengulangkaji Al-Quran. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen yang diedarkan kepada beberapa orang responden yang dipilih secara rawak dan ia dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Sosial Science (SPSS). Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah hafazan dan pengulangan hafazan yang digunakan oleh pelajar Maahad Tahfiz berkenaan mengikut kesesuaian dan keserasian mereka.

Seterusnya sebuah penyelidikan hasil kajian Abdul Hafiz Abdullah (2005), Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif : Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Penyelidikan yang dijalankan ini ialah suatu kajian untuk melihat serta mengkaji Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran yang Efektif : Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat apakah kaedah yang paling sesuai dan berkesan di dalam pembelajaran dan penghafazan Al-Quran. Kajian ini telah dijalankan di dua buah institusi tahfiz yang ada di Malaysia iaitu di Institusi Al-Quran Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk,

Terengganu. Seramai 368 orang responden yang terdiri daripada pelajar di kedua-dua institusi tahfiz yang terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik yang telah diedarkan, temu bual yang dijalankan untuk mendapatkan maklumat serta kajian perpustakaan.

Kajian yang dilakukan oleh Zuldiah (2012) yang bertajuk Kajian Kaedah atau Metode Hafazan Antara Dua Institusi Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Kajian ini tertumpu pada pelajar-pelajar yang belajar di pusat tahfiz Al-Quran, di Institusi Al-Quran Terengganu (IQT) dan Maahad Tahfiz Al-Quran Kubang Bujuk, Serada, Terengganu. Di samping itu kajian ini juga melibatkan guru-guru dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembelajaran penghafazan Al-Quran. Beberapa set soal selidik telah digubal khas untuk mengumpul data tentang kaedah hafazan yang digunakan di samping temu ramah dan pemerhatian/tinjauan di pusat-pusat tahfiz berkaitan dengan cara pembelajaran dan pengajaran di samping aktiviti-aktiviti harian yang dilalui di Madrasah/Maahad/Institusi/Tahfiz dalam membantu pelajar menghafaz keseluruhan Al-Quran.

Berdasarkan penyelidikan yang dilaksanakan oleh Abdul Hafiz Bin Haji Abdullah et. al. (2003), Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz yang memberikan fokus utama kepada kaedah hafazan Al-Quran dan keberkesanannya yang menyentuh beberapa aspek perbandingan di antara pendidikan tahfiz moden dan tradisional di Malaysia seperti dari kacamata pendidikan, infrastruktur, lokasi, perhubungan, pentadbiran, syarat kemasukan, peperiksaan dan persijilan, serta pengiktirafan para lulusan tahfiz dari institusi awam mahupun swasta. Secara kesimpulannya, melihat kepada kajian yang dilakukan oleh Sedek bin Ariffin (2012), adalah menjadi satu keperluan bagi penulis untuk mengenalpasti masalah mahupun kerumitan yang dihadapi oleh pelajar Darul Quran bagi menghasilkan kualiti hafalan yang

lebih baik dan berkesan.

METODE

Kajian ini dijalankan secara kuasi eksperimen untuk meninjau pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab. Bagi kajian eksperimen ini, pengkaji memilih sampel secara rawak yang diambil daripada beberapa populasi. Pengkaji memilih seramai 120 orang pelajar tingkatan satu. Dalam menjalankan kajian ini, beberapa orang guru Pendidikan Islam turut terlibat sebagai pengajar dan pembimbing bagi sesi Tahdhir, Murajaah dan Tasmik. Pemilihan MRSM Gemencheh pula sebagai lokasi kajian pula dipilih kerana prestasi hafazan yang dicatatkan sebelum ini adalah sederhana iaitu di bawah MRSM Kepala Batas dan di atas MRSM Kota Putera. Pemilihan pelajar tingkatan satu adalah kerana pelajar pada peringkat ini masih baharu lagi dalam suasana pembelajaran sistem Ulul Albab. Tambahan pula mereka tidak terlibat dengan peperiksaan awam yang besar seperti PT3 dan SPM. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang telah diadaptasi dari beberapa kajian. Kajian rintis yang telah dilaksanakan terhadap 40 orang pelajar mendapati keseluruhan item berada di tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai cronbach alpha di atas 0.8. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat dan menghuraikan secara menyeluruh tentang responden seperti jantina, kumpulan dan kaedah yang digunakan. Manakala analisis inferensi (MANOVA) pula digunakan bagi mengenalpasti pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan satu di MRSM Gemencheh. Berdasarkan jadual 1.1 dibawah, analisis profil responden menunjukkan keseluruhan sampel adalah 120 orang.

Tabel 1.1 Profil Demografi Responden Kajian

Profil	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	56	46.7
	Perempuan	64	53.3
Kumpulan Hafazan	Ulul Albab	40	33.3
	Neuro Nadi	40	33.3
	Jibril	40	33.3

Berdasarkan jadual diatas, kajian ini melibatkan 56 orang pelajar lelaki dan 64 orang pelajar perempuan. Manakala bagi kumpulan hafazan pula terdapat kumpulan hafazan ulul albab (33.3%), kumpulan hafazan neuro nadi (33.3%) dan kumpulan hafazan jibril (33.3%).

Perbezaan Peruntukan Masa Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Perbandingan peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program ulul albab berdasarkan jantina dan kumpulan dilakukan dengan menggunakan ujian ANOVA Dua Hala bagi menjawab persoalan kajian 1 dan menguji tiga hipotesis berikut.

Persoalan kajian 1 : Adakah terdapat perbezaan peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan ?

Ho1a : Tidak terdapat perbezaan peruntukan masa pelaksanaan hafazan

dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina.

Ho1b : Tidak terdapat perbezaan peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan kumpulan.

Ho1c : Tidak terdapat kesan interaksi peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan.

Pengujian hipotesis ini menggunakan ujian ANOVA Dua Hala. Sebelum analisis ANOVA dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian menggunakan ujian Levene. Ujian Levene ini penting bagi menentukan sama ada varian-kovarian dalam kalangan pembolehubah bersandar adalah sama atau sebaliknya, merentasi pembolehubah bebas. Ini merupakan pra-syarat penting bagi ujian ANOVA.

Tabel 2.1 Ujian Levene Perbezaan Peruntukan Masa Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Nilai-F	df1	df2	Sig.
0.694	5	114	0.629

Berdasarkan jadual 2.1 didapati bahawa terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk aras pembolehubah bebas ($F = 0.694$, $p = 0.629$). Ini bermakna, varian-kovarian pembolehubah bersandar tidak homogen merentasi pembolehubah bebas.

Seterusnya analisis ANOVA Dua Hala dilakukan bagi melihat perbezaan skor

min peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan. Jadual 3.1 menunjukkan perbandingan skor min dan sisihan piawai peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan.

Tabel 3.1 Skor Min dan Sisihan Piawai Peruntukan Masa Pelaksanaan Hafazan dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Jantina	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	Ulul Albab	3.98	0.11
	Neuro Nadi	3.87	0.12
	Jibril	3.88	0.13
	Total	3.90	0.13
Perempuan	Ulul Albab	4.04	0.14
	Neuro Nadi	4.06	0.14
	Jibril	4.04	0.15
	Total	4.05	0.14
Total	Ulul Albab	4.02	0.13
	Neuro Nadi	3.97	0.16
	Jibril	3.95	0.16

Berdasarkan jadual 3.1 didapati pelajar perempuan (min = 4.05 dan sp = 0.14) mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki (min = 3.90 dan sp = 0.13). Manakala peruntukan masa berdasarkan kumpulan pula menunjukkan pelajar lelaki dari kumpulan Ulul Albab (min = 3.98 dan sp = 0.11) mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki dari kumpulan Neuro Nadi (min = 3.87 dan sp = 0.12) dan kumpulan Jibril (min = 3.88 dan sp = 0.13). Bagi pelajar perempuan pula, kumpulan Neuro Nadi (min = 4.06 dan sp =

0.14) mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan dari kumpulan Ulul Albab (min = 4.04 dan sp = 0.14) dan kumpulan Jibril (min = 4.04 dan sp = 0.15).=

Jadual 4.1 menunjukkan hasil analisis ANOVA Dua Hala bagi melihat perbezaan min peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan.

Tabel 4.1 Analisis ANOVA Dua Hala Peruntukan Masa Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Demografi	Type III Jumlah kuasa dua	Df	Jumlah kuasa dua	F	Sig.
Jantina	0.563	1	0.563	28.490	0.000
Kumpulan	0.063	2	0.032	1.607	0.205
Jantina*Kumpulan	0.092	2	0.046	2.327	0.102

Berdasarkan jadual 4.1 terdapat perbezaan yang signifikan ($F = 28.490$ dan $sig = 0.000$) berdasarkan jantina. Ini menunjukkan hipotesis nol pertama (H_{01a}) ditolak, yakni terdapat perbezaan yang signifikan peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina.


Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($F = 1.607$ dan $sig = 0.205$) berdasarkan kumpulan. Ini

menunjukkan hipotesis nol pertama (H_{0b}) gagal ditolak, yakni tidak terdapat perbezaan yang signifikan peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan kumpulan. Hafalan Al-Quran terlalu mudah untuk hilang dari ingatan kecuali mereka yang benar-benar memastikan pemeliharaannya (Abdullah & Rahman, 2010). Terdapat pelbagai teknik dan sistem yang digunakan di Institusi menghafal Al-Quran untuk memastikan pelaksanaan

proses hafazan adalah teratur dan sistematik. Proses pengulangan dalam ayat-ayat Al-Quran menghafal dijalankan menggunakan solat lima waktu dan zikir setiap hari untuk memastikan bahawa ayat-ayat Al_Quran yang dihafal terpelihara.

Hasil analisis kesan interaksi antara jantina dan kumpulan terhadap peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab adalah seperti dalam rajah 1.

Grafik 1.1 Kesan Interaksi antara Jantina dan Kumpulan terhadap Peruntukan Masa Pelaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab



Berdasarkan rajah 3.1 didapati tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan kumpulan terhadap peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab. Murid perempuan mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dan berbeza secara signifikan berbanding dengan murid lelaki bagi kaedah ulul albab, neuro nadi dan jibril. Ini menunjukkan hipotesis nol pertama (Hoc) gagal ditolak, yakni tidak terdapat kesan interaksi antara jantina dan kumpulan terhadap peruntukan masa pelaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab.

Perbezaan Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Perbandingan persediaan para pelajar program Ulul Albab sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan dilakukan dengan menggunakan ujian ANOVA Dua Hala bagi menjawab persoalan kajian 2 dan menguji tiga hipotesis berikut.

Persoalan kajian 2 : Adakah terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains

MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan ?

Ho2a : Tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina.

Ho2b : Tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan kumpulan.

Ho2c : Tidak terdapat kesan interaksi persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan.

Pengujian hipotesis ini menggunakan ujian ANOVA Dua Hala. Sebelum analisis ANOVA dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian menggunakan ujian Levene. Ujian Levene ini penting bagi menentukan sama ada varian-kovarian dalam kalangan pembolehubah bersandar adalah sama atau sebaliknya, merentasi pembolehubah bebas. Ini merupakan pra-syarat penting bagi ujian ANOVA.

Tabel 5.1 Ujian Levene Perbezaan Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Nilai-F	df1	df2	Sig.
0.395	5	114	0.852

Berdasarkan jadual 5.1 didapati bahawa terdapat perbezaan varian-kovarian yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk aras pembolehubah bebas ($F = 0.395$, $p = 0.852$). Ini bermakna, varian-kovarian pembolehubah bersandar tidak homogen merentasi pembolehubah bebas.

Seterusnya analisis ANOVA Dua Hala dilakukan bagi melihat perbezaan skor min persediaan para pelajar program Ulul Albab sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan. Jadual 6 menunjukkan perbandingan skor min dan sisihan piawai persediaan para pelajar program Ulul Albab sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan.

Tabel 6.1 Skor Min dan Sisihan Piawai Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan

Jantina	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	Ulul Albab	4.59	0.11
	Neuro Nadi	4.59	0.13
	Jibril	4.57	0.13
	Total	4.58	0.12
Perempuan	Ulul Albab	4.58	0.12
	Neuro Nadi	4.61	0.12
	Jibril	4.62	0.11
	Total	4.60	0.12
Total	Ulul Albab	4.58	0.12
	Neuro Nadi	4.60	0.12
	Jibril	4.60	0.12
	Total	4.59	0.12

Berdasarkan jadual 6.1 didapati pelajar perempuan (min = 4.60 dan $sp = 0.12$) mempunyai min yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki (min = 4.58 dan $sp = 0.12$). Manakala peruntukan masa berdasarkan kumpulan pula menunjukkan pelajar lelaki dari kumpulan Ulul Albab (min = 4.59 dan $sp = 0.11$) dan kumpulan Neuro Nadi (min = 4.59 dan $sp = 0.13$) mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki dari kumpulan Jibril (min = 4.57

dan $sp = 0.13$). Bagi pelajar perempuan pula, kumpulan Jibril (min = 4.62 dan $sp = 0.11$) mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan dari kumpulan Ulul Albab (min = 4.58 dan $sp = 0.12$) dan kumpulan Neuro Nadi (min = 4.61 dan $sp = 0.12$).

Jadual 7.1 menunjukkan hasil analisis ANOVA Dua Hala bagi melihat perbezaan min persediaan para pelajar program ulul albab sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan.

Tabel 7.1 Analisis ANOVA Dua Hala Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina dan Kumpulan

Jantina	Kumpulan	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	Ulul Albab	4.59	0.11
	Neuro Nadi	4.59	0.13
	Jibril	4.57	0.13
	Total	4.58	0.12
Perempuan	Ulul Albab	4.58	0.12
	Neuro Nadi	4.61	0.12
	Jibril	4.62	0.11
	Total	4.60	0.12
Total	Ulul Albab	4.58	0.12
	Neuro Nadi	4.60	0.12
	Jibril	4.60	0.12
	Total	4.59	0.12

Berdasarkan 7.1 didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($F = 0.867$ dan $\text{sig} = 0.354$) berdasarkan jantina. Ini menunjukkan hipotesis nol kedua (H_{02a}) gagal ditolak, yakni tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program ulul albab di maktab rendah sains mara sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina.

Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ($F = 0.235$ dan $\text{sig} = 0.791$) berdasarkan kumpulan. Ini menunjukkan hipotesis nol kedua (H_{02b}) gagal ditolak, yakni tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program ulul albab di maktab rendah sains mara sebelum memulakan hafazan berdasarkan kumpulan.

Hasil analisis kesan interaksi antara jantina dan kumpulan terhadap persediaan para pelajar program ulul albab di maktab rendah sains mara sebelum memulakan

hafazan adalah tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jantina dan kumpulan terhadap persediaan para pelajar program ulul albab di maktab rendah sains mara sebelum memulakan hafazan. Murid perempuan mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dan berbeza secara signifikan berbanding dengan murid lelaki bagi kaedah neuro nadi dan jibril. Manakala murid lelaki pula mempunyai min yang lebih tinggi berbanding dan berbeza secara signifikan berbanding dengan murid perempuan bagi kaedah Ulul Albab. Ini menunjukkan hipotesis nol kedua (H_{02c}) gagal ditolak, yakni Tidak terdapat kesan interaksi persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan.

SIMPULAN DAN SARAN

Pendidikan Tahfiz Al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Manakala Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Saidina Muhammad SAW dengan perantaraan malaikat Jibril dalam bentuk tujuh huruf secara lafaz dan makna yang dihafaz dan ditulis dalam mashaf Uthmani dan dinaqalkan secara mutawatir

dan membacanya dikira ibadat serta dimulai dengan surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan surah An-Nas (Qabah, 1999). Menghafaz memerlukan kekuatan daya fikiran pada orang yang melakukannya. Dalam Bahasa Arab orang yang mempunyai daya ingatan yang kuat digelar sebagai quwwatuz zakirah (الذاكرة قوة). Persediaan pelajar sebelum melakukan hafazan dan peruntukan masa hafazan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Oleh sebab itu, faktor-faktor ini perlu ditambahbaik dalam pelaksanaan hafazan

bagi meningkatkan pencapaian hafazan pelajar.

DAFTAR RUJUKAN

Abdul Hafiz Abdullah (2003), Keberkesanan Kaedah Hafazan Di Pusat Tahfiz. Laporan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

Baharom Mohamad, & Mohamad Johdi Salleh. (2009). Pembangunan modal insan sebagai satu pelaburan dalam konteks pembinaan Negara. Prosiding Seminar Pembangunan Modal Insan.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam Mustafa, Khairul Najah Abdul Rahim, & Wan Mariana Wan Mohamad. (2011). Kesepaduan jihad ilmu dalam pendidikan Islam ke arah meningkatkan modal insan. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara, 4 (hh. 667-677).